


BILANGAN KE  
4

# FOIO

Buletin FIKU

PEMERKASAAN WARISAN MENERUSI TEKNOLOGI KREATIF DAN KEUSAHAHAWANAN  
FOKUS • TEKAL • KERJASAMA • WAWASAN

ISSN 2550-2107





# ISI KANDUNGAN



Oleh : Muhamad Izham Bin Zainulabidin

## PENASIHAT

PM DR. HANISA BINTI HASSAN  
(DEKAN FTKW)

## KETUA EDITOR

PN. WAN NURUL ASIKIN BINTI  
WAN RAMLI  
(PENSYARAH KOMUNIKASI VISUAL)

## KREATIF EDITOR

EN. MUHAMAD IZHAM BIN  
ZAINULABIDIN  
(PENSYARAH KOMUNIKASI VISUAL)

## SUMBER FOTO

LAMAN FACEBOOK RASMI FTKW

Kekerapan Penerbitan: 2 Kali Setahun  
(Terbitan seterusnya pada bulan JULAI)

Unit Penerbitan FTKW  
Fakulti Teknologi Kreatif & Warisan,  
Universiti Malaysia Kelantan,  
Beg Berkunci No.1  
16300 Bachok,  
KELANTAN DARUL NAIM

## KATA ALUAN DEKAN

Program 'GET TOGETHER'	5
Program Zi arah Prihatin	6
Live Program UMK@SCHOOL: ROAD 2 UMK	7
Lawatan Penilaian Akreditasi Penuh	8
Majlis Suar Gemilang UMK 2023	9
Lawatan Penanda Aras Dan Artikulasi	11
Lawatan Cawangan Kajian Pemuliharaan	12
Lawatan Istimewa	13

## PRESIDEN SONGKHLA RAJABHAT UNIVERSITI, THAILAND

MOU Exchange Ceremony	14
Digital Content Bootcamp	14
Academic Creative Forum 2023	15
Pameran Pelajar TEXFAS	16
Lawatan ke	17

## DONGSEO UNIVERSITY BUSAN, KOREA SELATAN

Jemputan Fashion Show	18
International Convention of Creative Industry 2023	19
Memperkasa Kelestarian Warisan Konvensyen	20
Arkeologi Kebangsaan 2023	
Anugerah Semangat Kemanusiaan	21
Pertemuan 2 Hala, UTM-UMK	22
Rakan Usahawan Muzik Xpress	23
Karnival Kelantan Membaca	24
Meneroka Jejak Warisan Lembah Bujang	25
Majlis Perasmian & Penutup	27

## KARYA EKPOSISSI TAHUN AKHIR SENI INOVASI 2023

Sesi Penilaian & Pameran Terbuka	29
KARYA EKPOSISSI TAHUN AKHIR SENI INOVASI 2023	
Seminar Kedah Tua	30
Bengkel Asas Pantun Dondang Sayang	31
Bengkel Penulisan Buku Bahasa	32
Lakaran Musim Hujan Kelantan Melalui Mata	
Pelukis Muda	33

# ISI KANDUNGAN

kunjungan ke SMK LONG YUNUS	<b>35</b>
Kunjungan ke SMK KANGKONG	<b>36</b>
Bengkel Asas Lakon bersama Arja Lee	<b>37</b>
Lawatan dan Pembentangan	<b>38</b>
<b>PLATFORM GIG EKONOMI</b>	
Puak Monsun: Merentas Seni Dan Alam di Seri Nipah Resort, Bachok	<b>39</b>
Majlis Istiadat Konvokesyen Kali Ke-13	<b>41</b>
Satira Politik dalam Karya Instalasi 'KED.POL' di Anugerah Bakat Muda Sezaman 2023	<b>43</b>
Cultural Exchange Hybrid Mobility Program 2023	<b>45</b>
Program 'Gamelan Workshop Creative'	<b>46</b>
Majlis Apresiasi Staf FTKW 2022	<b>47</b>
IAFCC 2023	<b>48</b>
Program 'Fun Batik Tie and Dye for Kids'	<b>49</b>
Festival Kesenian dan Warisan 2023	<b>50</b>
The UMK-SKRU Cultural Exchange Mobility Program	<b>51</b>
Pelancaran Bulan Kemerdekaan UMK	<b>52</b>
Program KUCO SURO Patriotik Keluarga UMK Madani	<b>53</b>
Wall of Fame	<b>54</b>



OLEH: NUR ATHMAR HASHIM

# MEMPERKASA KELESTARIAN WARISAN: KONVENTSYEN ARKEOLOGI KEBANGSAAN 2023



Beliau yakin, melalui kerjasama yang erat, warisan ini dapat dijaga dengan lebih baik untuk generasi akan datang. Konvensyen Arkeologi Kebangsaan 2023 bukan sahaja menjadi acara pembentangan ilmu yang tinggi tetapi juga menandakan satu langkah bersejarah untuk kelestarian warisan arkeologi Malaysia. Melalui kolaborasi antara JWN, UA, dan komuniti arkeologis, diharapkan lebih banyak usaha akan dilakukan untuk menjaga dan memahami sejarah terpendam negara ini. Dengan semangat kerjasama ini dapat membantu bidang ini melangkah ke hadapan dalam melestarikan kekayaan sejarahnya.

Pada 16 Mac 2023, satu peristiwa bersejarah berlaku apabila Memorandum of Understanding (MoU) ditandatangani antara Jabatan Warisan Negara (JWN) dan 11 buah universiti Awam Malaysia. Memorandum ini membuka pintu kepada satu rentetan acara penting, termasuk undangan kepada Wakil Tetap dan Wakil Ganti setiap Universiti Awam Malaysia untuk menyertai Konvensyen Arkeologi Kebangsaan 2023 yang membawa tema Memperkasa Profesionalisme dan Kearifan telah berlangsung di Hotel Park Avenue, Sungai Petani, Kedah, pada 3 hingga 6 November 2023.

Tujuan utama Konvensyen Arkeologi Kebangsaan ini adalah melahirkan resolusi yang boleh digunakan oleh semua pihak, termasuk komuniti arkeologis, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), dan Pihak Berkuasa Negeri (PBN). Langkah ini seiring dengan peruntukan dalam Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645), dan sejajar dengan matlamat serta tujuan MoU antara JWN dan IPTA. MoU ini menumpukan kepada tujuh (7) skop kerjasama strategik dan persefahaman, termasuk penyelidikan, kepakaran, peralatan, pemeliharaan, pemuliharaan, serta promosi warisan negara.

Ucaptama pembukaan Konvensyen Arkeologi Kebangsaan disampaikan oleh Pesuruhjaya Warisan Jabatan Warisan Negara, Ybrs. En Mohd Azmi Mohd Yusof. Beliau menyatakan kepentingan konvensyen ini dapat membentuk landasan kehadapan untuk warisan arkeologi Malaysia dengan kehadiran wakil dari UA diharapkan dapat menggambarkan kepelbagaiannya ilmu dan kepakaran dalam memajukan bidang ini. Konvensyen yang berlangsung selama tiga hari ini melibatkan lapan orang pembentang dari pelbagai latar belakang kepakaran. Mereka membawa topik-topik yang penting dan kajian terkini dalam bidang arkeologi. Setiap pembentang membawa perspektif unik dan merangkumi aspek penyelidikan yang mencorak masa depan pemahaman arkeologi di Malaysia.

Puncak acara ini adalah penutupan yang dirasmikan oleh YB Dato' Haji Mohd Salleh bin Saidin, Pengurus Jawatankuasa Pelancongan, Kebudayaan, dan Keusahawanan, Negeri Kedah Darul Aman. Dalam ucapan perasmian penutup, beliau menyatakan harapannya bahawa hubungan yang terjalin menerusi konvensyen ini dapat memperkuatkan bidang arkeologi dan warisan di negara ini.